



MENTERI SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **INISIATIF KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA DALAM MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN KEPADA ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

---

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil maklum mengenai isu yang dibangkitkan berkait dengan diskriminasi yang berlaku dalam pengambilan pekerja di kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Sehubungan dengan itu, saya berhasrat untuk memberi pencerahan mengenai usaha-usaha yang sedang dilaksanakan bagi menjamin peluang pekerjaan kepada golongan OKU.

Untuk makluman, KSM bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menjaga kesejahteraan OKU, terutamanya dalam memberi peluang pekerjaan kepada mereka. KPWKM telah menyediakan platform untuk membincangkan dan mencadangkan langkah-langkah penyelesaian yang sesuai bagi isu-isu yang melibatkan OKU di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU).

Terdapat enam (6) jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk membantu Majlis dalam memainkan peranan dan fungsinya dalam membangunkan OKU di negara ini. Salah satu Jawatankuasa yang ditubuhkan adalah Jawatankuasa Pekerjaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM). Jawatankuasa ini memberi tumpuan khusus kepada isu berkaitan pekerjaan kepada OKU dengan menjayakan program seperti **pendaftaran dan penempatan OKU di sektor swasta, penempatan 1 peratus warga OKU dalam sektor awam, menjalankan promosi penggalakkan penggajian OKU, mewujudkan Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGP-OKU) dan Program Return to Work (RTW) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**.

Justeru, bagi memangkin kejayaan dasar 1 peratus pekerja OKU dalam sektor awam, Kementerian menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) giat merencanakan **usaha pemulihan menerusi program Return to Work (RTW)**. Berdasarkan perangkaan bagi tempoh 2007 hingga 13 Oktober lalu, seramai **64,261**

individu berjaya kembali ke dunia pekerjaan mereka dan kekal dengan kerjaya masing-masing, selepas menjalani pemulihan anggota.

Pendekatan ini juga selari dengan prinsip Kerajaan untuk tidak meminggirkan mana-mana golongan, khususnya OKU memandangkan mereka masih mempunyai keupayaan produktiviti untuk disumbangkan dalam sektor pekerjaan. Untuk makluman, program pengurusan hilang upaya *Return to Work* (RTW) oleh PERKESO bertujuan **membantu orang berinsurans yang cedera atau menghidapi penyakit untuk dipulihkan serta kembali semula bekerja lebih awal, sihat dan selamat**. Setiap pencarum PERKESO yang mengikuti program ini akan melalui proses pemulihan sistematik dan berteraskan konsep biopsikososial yang merangkumi faktor biofizikal, psikologikal serta sosial yang perlu ditangani dalam membantu mereka kembali semula bekerja.

Selain itu, perkhidmatan pekerjaan yang disediakan melalui portal pekerjaan negara, *MYFutureJobs* memperuntukkan bantuan pekerjaan kepada OKU. Malah, Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan *MYFutureJobs* akan memberikan khidmat kaunseling kerjaya, bimbingan kerjaya dan penempatan kerja.

Sebagai tambahan, bagi menangani isu diskriminasi pula pindaan pada **Akta Kerja 1955 pada tahun 2022, Seksyen 69F** telah dimasukkan di mana Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) diberikan kuasa untuk mendengar dan memutuskan sebarang pertikaian berhubung isu diskriminasi dalam pekerjaan.

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) juga mempunyai **39 pejabat** tenaga kerja seluruh Semenanjung Malaysia dan Labuan. Mana-mana pihak atau pekerja yang merasakan berdepan isu diskriminasi dalam pekerjaan, boleh hadir membuat aduan di pejabat-pejabat tenaga kerja berhampiran.

Ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian sentiasa komited dalam menangani isu pengambilan pekerja dalam kalangan OKU dan kesejahteraan mereka turut dijaga. Setiap individu perlu dilayan dengan hormat dan diberi peluang yang sama di tempat kerja.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
21 OKTOBER 2023**